

Headline	20 peratus remaja AS dengan HIV tidak sedar dijangkiti semasa seks kali pertama		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Nov 2012	Color	Black/white
Section	Dunia/Asean	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 354
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,063



## 20 peratus remaja AS dengan HIV tidak sedar dijangkiti semasa seks kali pertama

WASHINGTON: Dua puluh peratus daripada golongan muda yang dilahirkan dengan HIV di Amerika Syarikat tidak tahu mereka dijangkiti apabila mereka mengadakan hubungan seks buat kali pertama, menurut satu kajian baru yang dikeluarkan pada hujung minggu.

Kajian tersebut, yang muncul dalam jurnal Penyakit Klinikal Berjangkit, juga mendapati bahawa kebanyakan daripada remaja yang menyedari status mereka berkata, mereka tidak memberitahu rakan-rakan mereka sebelum menjadi intim.

Di samping itu, majoriti remaja positif HIV yang aktif secara seksual ini dila-

porkan tidak menggunakan kondom.

“Penemuan kami menunjukkan bahawa orang-orang muda ini sangat bertindak seperti mana rakan-rakan mereka yang negatif HIV di seluruh negara,” kata Rohan Hazra dari Institut Eunice Kennedy Shriver untuk Kesihatan Kanak-Kanak dan Pembangunan Manusia.

“Bagaimanapun, kerana status HIV mereka, ia amat penting bagi penyedia penjagaan kesihatan, kaunselor sekolah dan ahli keluarga agar mengukuhkan kepentingan mengamalkan seks selamat, mengambil ubat secara tetap dan mendedahkan status HIV kepada pasan-

Headline	20 peratus remaja AS dengan HIV tidak sedar dijangkiti semasa seks kali pertama		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Nov 2012	Color	Black/white
Section	Dunia/Asean	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 354
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,063

gan yang berpotensi.”

Kajian ini terdiri daripada 330 positif HIV, berusia 10 hingga 18 tahun yang diberikan soal selidik berpandukan komputer. Ia disifatkan sebagai yang pertama mengkaji faktor-faktor komprehensif yang dikaitkan dengan permulaan aktiviti seksual di kalangan orang muda yang dilahirkan dengan HIV.

Hampir 10,000 orang di Amerika Syarikat hidup dengan HIV, yang mereka dapat pada atau sebelum kelahiran, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit.

Secara purata, peserta kajian yang memulakan aktiviti seksual dilaporkan

mempunyai pengalaman pertama seksual mereka pada usia 14 tahun. Satu pertiga menunjukkan bahawa mereka jujur tentang status HIV dengan pasangan pertama.

Menurut kajian tersebut, 62 peratus daripada mereka yang aktif secara seksual berkata, mereka mengadakan hubungan seks sekurang-kurangnya sekali tanpa menggunakan kondom. Ia juga mendapati bahawa anak-anak muda yang tidak mengambil ubat anti-HIV secara tetap lebih cenderung memulakan seks berbanding mereka yang mengambilnya sebagaimana yang ditetapkan. – AFP